

## 5) RUMAH SELANGORKU

**Adun :** Y.B. Tuan Dr Gunarajah A/L R George (N48 Sentosa)

**Kategori :** Bertulis

**Sesi :** 3 (2024)

Sub soalan :

- a) **Berapa banyak Rumah Selangorku / Rumah Idaman Selangor yang telah siap dibina di dalam DUN Sentosa?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan pembangunan projek perumahan oleh pemaju-pemaju perumahan khususnya penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) bagi kawasan Daerah Klang, Selangor. Ini kerana syarat / keperluan penyediaan Rumah Selangorku (RSKU) akan ditetapkan ke atas tanah-tanah yang dicadangkan untuk dibangunkan. Sehingga 31 Oktober 2024, terdapat **49 projek** dengan **26,003 unit** RSKU telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di seluruh Daerah Klang yang mana DUN Sentosa terletak di dalamnya. Daripada jumlah tersebut, **dua (2) projek** dengan **320 unit** RSKU telah siap dibina di kawasan Dun Sentosa.

- b) **Apakah projek terkini di DUN Sentosa?**

Terdapat **5 projek** di kawasan Dun Sentosa dengan jumlah keseluruhan **994 unit**. Daripada jumlah tersebut, **2 projek** dengan **320 unit** RSKU telah siap dibina. Seterusnya **1 projek** dengan **30 unit** RSKU sedang dalam pembinaan, manakala **dua (2) projek** dengan **644 unit** RSKU masih dalam perancangan. Perincian seperti berikut :

| BIL. | NAMA PEMAJU                 | LOKASI PROJEK                                                                                               | BIL. UNIT | STATUS    |
|------|-----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------|
| 1.   | Harum Intisari Sdn Bhd      | Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.                                                        | 306       | Siap Bina |
| 2.   | Sejati Properties Sdn. Bhd. | Di Atas 129645 (PT.119195), Off Jalan Sungai Jati, Taman Sentosa Perdana, K/S 7, Mukim Klang, Daerah Klang. | 14        | Siap Bina |

|                           |                                  |                                                                                                                                                                                                        |            |                 |
|---------------------------|----------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|-----------------|
| 3.                        | Kota Etika Development Sdn. Bhd. | Di Atas Hakmilik GRN 107006 Hingga GRN 107085 Lot 84809 Hingga Lot 84868, Persiaran Batu Nilam, Bandar Bukit Tinggi Klang, Mukim Klang, Daerah Klang. (Pemulihan Projek Terbengkalai-Pemaju asal Alex) | 30         | Dalam Pembinaan |
| 4.                        | Pembinaan Kesentosaan Sdn. Bhd.  | Sebahagian GRN 122878 Lot 98936 Dan Sebahagian GRN 121319 Lot 87138, Taman Sentosa Perdana, Mukim Klang, Daerah Klang.                                                                                 | 512        | Perancangan     |
| 5.                        | Rukun Jaya Sdn. Bhd.             | Di Atas Lot 1539 Dan Lot 97816, Jalan Sungai Kandis, Mukim Klang, Daerah Klang, Seksyen 36, Shah Alam.                                                                                                 | 132        | Perancangan     |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                  |                                                                                                                                                                                                        | <b>994</b> |                 |